

**Perkauman bukan faktor tunggal hilang bakat tempatan, kata pemimpin BN
Malaysian Insider
Aug 8 , 2013
Oleh Hasbullah Awang Chik**

Polisi perkauman Putrajaya bukan faktor tunggal kehilangan bakat tempatan di luar negara, kata pemimpin Barisan Nasional (BN) hari ini.

Pemimpin BN mengulas kenyataan mantan Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew melalui bukunya yang mendakwa Malaysia kehilangan bakatnya di luar negara akibat polisi perkauman.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek berkata polisi berdasarkan kaum bukan faktor tunggal Malaysia kehilangan tenaga pakar.

Dr Chua berkata gaji yang lebih tinggi dan infrastruktur yang lebih baik ditawarkan di Singapura juga merupakan "faktor penarik" kepada rakyat Malaysia.

"Rakyat mencari pendapatan yang lebih tinggi dan infrastruktur yang lebih baik. Di Singapura, anda boleh menuju ke sesuatu destinasi tanpakereta," katanya semasa Majlis Sambutan Aidilfitri Menteri Kabinet di Putrajaya hari ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapha Mohamed bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh Lee Kuan Yew.

"Saya akui ada yang meninggalkan negara atas sebab yang dinyatakan namun itu bukan penyebab utama," katanya sambil menambah tuduhan tersebut tidak berasas kerana ia bukan faktor tunggal.

Katanya, kerajaan telah mengenalpasti ketidakseimbangan sosio ekonomi bagi memastikan tiada kaum yang terpinggir dalam pembangunan negara.

Beliau menyedari bahawa komuniti India telah meminta kerajaan mengembalikan sistem kuota bagi kemasukan di universiti kerana merasa sistem merit sedia ada memberi kekurangan kepada pelajar kaum berkenaan mendapat tempat di universiti.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata pandangan Lee ketinggalan zaman namun enggan mengulas panjang.

Sementara itu Naib Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata MCA akan terus memainkan peranan bagi memastikan polisi Putrajaya menjaga kepentingan semua kaum di Malaysia.

Dalam buku tersebut, mantan Perdana Menteri Singapura itu mengulas tentang kepimpinan di Malaysia.

Melalui buku 400 halaman itu, Lee berkata Singapura tidak seperti Malaysia yang kehilangan bakat tempatan jika terus mengekalkan dominasi kaum. - 8 Ogos 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/perkauman-bukan-faktor-tunggal-hilan>

g-bakat-tempatan-kata-pemimpin-bn